



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

PINDAAN KEPADA ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM BILANGAN 2 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PEJABAT JABATAN PERKHIDMATAN AWAM BAGI TEMPOH SEMASA DAN SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT

(KEMAS KINI 22 OKTOBER 2020)



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

**PINDAAN KEPADA ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN PEJABAT
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BAGI TEMPOH SEMASA DAN SELEPAS
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

TUJUAN

Pindaan kepada Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (AKPPA) Bilangan 2 Tahun 2020 (kemas kini 22 Oktober 2020) ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai perubahan pada ketetapan yang dibuat sebelum ini serta penambahan perkara baru berkaitan panduan pengoperasian pejabat di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) susulan keputusan Kerajaan semasa sidang media Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 20 Oktober 2020.

LATAR BELAKANG

2. Berikutan keputusan Kerajaan pada 12 dan 20 Oktober 2020 yang telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa di seluruh negeri Sabah mulai 13 Oktober sehingga 26 Oktober 2020 dan seluruh negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan

mulai 14 Oktober sehingga 27 Oktober 2020, maka bagi mengukuh usaha mengekang penularan wabak COVID-19, tindakan lanjut untuk mengurangkan keberadaan dan pergerakan penjawat awam di kawasan-kawasan terbabit perlu diambil sebagai langkah pencegahan tambahan.

3. Pengecualian adalah diberikan kepada pegawai yang perlu hadir ke pejabat bagi proses kerja yang memerlukan keberadaan pegawai di pejabat seperti urusan kewangan yang berkaitan pembayaran, pengurusan, penguatkuasaan dan kebajikan.

4. Sepanjang tempoh pengoperasian pejabat JPA semasa PKPB, beberapa prinsip berkaitan pengoperasian pejabat agensi Kerajaan yang dinyatakan dalam AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 (bertarikh 4 Mei 2020) dan Pindaan kepada AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 (kemas kini 10 Jun 2020) sebelum ini diteruskan pemakaiannya sehingga tempoh PKPB ini tamat. Prinsip-prinsip tersebut meliputi:

(a) Perkara 4 di bawah AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 4 Mei 2020 mengenai **Pengurusan Tatacara Bekerja Semasa PKPB**;

(b) Perkara 4 (b) di bawah Pindaan kepada AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 (kemas kini 10 Jun 2020) mengenai **pertimbangan untuk BDR boleh diberikan berdasarkan merit kes**;

(c) Perkara 11 hingga 13 di bawah AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 4 Mei 2020 mengenai **Penerimaan dan Pengedaran Surat**; dan

(d) Perkara 7 di bawah Pindaan AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 (kemas kini 10 Jun 2020) mengenai **Pengurusan Lapor Diri Pegawai Bagi Jawatan Kumpulan JPA/Tamat Peminjaman/Pegawai Baru**.

PENGURUSAN TATACARA BEKERJA SEMASA PKPB

5. Dengan mengambil kira senario semasa kes jangkitan wabak COVID-19, kehadiran bekerja di pejabat JPA ditetapkan pada kadar maksimum 30% daripada jumlah pengisian jawatan sedia ada. Pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan, sumber manusia, keselamatan dan pengurusan rekod yang memerlukan keberadaan pegawai di pejabat bagi penyelesaian tugas diberikan keutamaan untuk dibenarkan hadir bertugas ke pejabat.

6. Pegawai penyelia perlu merancang penjadualan dan penggiliran pegawai yang hadir bertugas ke pejabat, dan memastikan hanya pegawai yang memerlukan keberadaannya di pejabat sahaja yang dibenarkan hadir bertugas.

7. Pemantauan dan penilaian terhadap tugas yang perlu dilaksanakan oleh pegawai yang diarahkan BDR adalah sepertimana ketetapan di Perkara 4 (ii) yang dinyatakan di AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 bertarikh 4 Mei 2020.

PENGURUSAN MESYUARAT

8. Semua mesyuarat di JPA dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian melalui kaedah persidangan video. Mesyuarat yang kurang penting disarankan untuk ditangguhkan buat sementara waktu atau dilaksanakan secara minit edaran.

TARIKH KUAT KUASA

9. Pindaan kepada AKPPA ini berkuat kuasa mulai **22 Oktober 2020**.

PEMAKAIAN

10. Pindaan kepada AKPPA ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di JPA (meliputi Cawangan Negeri) termasuk Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara serta INTAN Kampus Wilayah yang terkesan dengan penguatkuasaan liputan kawasan PKPB.

11. Pindaan ini perlu dibaca bersekali dengan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa, termasuk kandungan sedia ada dinyatakan dalam AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020, Pindaan kepada AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 (kemas kini 10 Jun 2020), Pindaan kepada AKPPA Bilangan 2 Tahun 2020 (kemas kini 1 September 2020), Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (2) bertarikh 17 Mac 2020, bilangan (6) siri yang sama bertarikh 2 Mei 2020 dan Surat Edaran JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.7(2) bertarikh 21 Oktober 2020.

12. **Perlu diambil perhatian bahawa Pindaan ini hanya terpakai selagi mana Kerajaan masih mengekalkan status PKPB atau status seumpamanya.** Sekiranya Kerajaan menarik balik pelaksanaan PKPB dan mengisytiharkan status PKP, maka

ketetapan di bawah Surat Edaran JPA SARAAN (S) 256/6/31 Jld. 6 (2) bertarikh 17 Mac 2020 akan terpakai. Sekiranya Kerajaan mengisytiharkan status PKPB atau PKP ditarik balik maka ketetapan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019 akan terpakai.

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

A large, stylized handwritten signature in black ink, consisting of several overlapping loops and a long horizontal stroke.

(TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB ABD RAHMAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam **MALAYSIA**

Tarikh : **24** Oktober 2020